



Persatuan Belia Islam Nasional

[PPBM 2111/09]

UNDANG-UNDANG

PEMBINA

(PERSATUAN BELIA ISLAM NASIONAL)

UNDANG-UNDANG BAGI PERSATUAN BELIA ISLAM NASIONAL (PEMBINA)

No. Pendaftaran: PPBM 2111/09

FASAL 1 NAMA

Pertubuhan ini dikenali dengan nama **PERSATUAN BELIA ISLAM NASIONAL (PEMBINA)** selepas ini disebut "Pertubuhan".

FASAL 2 ALAMAT

Pindaan pada
22 Disember
2010

Alamat pertubuhan No. 39-2-2B, Jalan Medan PB2B, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor atau di tempat lain iaitu atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat. Alamat tempat urusan Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 LAMBANG



Persatuan Belia Islam Nasional

3.1 Simbol

- a) **Bulatan** membawa maksud PEMBINA merupakan suatu pertubuhan terbuka kepada semua belia Muslim di Malaysia tanpa mengira bangsa, keturunan dan sempadan geografi asalkan sesuai dengan adab dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PEMBINA;

- b) **Globe secara keseluruhan** bermaksud PEMBINA ingin membawa para belia Muslim kepada wawasan Islam yang jelas dan sempurna melalui jalan-jalan sah sesuai dengan sifat Islam yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan demi kepentingan dunia dan akhirat;
- c) **Jaringan longitud dan latitud dalam bulatan** membawa maksud PEMBINA bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pertubuhan belia yang lain baik di dalam mahupun di luar Negara asalkan bertepatan dengan aspirasi PEMBINA untuk membangunkan belia Muslim Negara berlandaskan syariat Islam.
- d) **Buku yang terbuka** bermaksud PEMBINA ingin menjadikan Al Quran dan As Sunnah sebagai pegangan hidup belia dalam apa jua keadaan di mana ianya dibaca, dikaji dan dijadikan bahan rujukan sepanjang hidup. Ia juga menunjukkan bahawa PEMBINA meletakkan ilmu di kedudukan yang tinggi.

3.2 Warna

- a) **Warna Biru Tua** bermaksud perpaduan, bekerjasama, bertolak ansur dan bersemangat waja.
- b) **Warna Biru Muda** bermaksud wawasan yang luas, ketenangan, kedamaian, kasih sayang dan keharmonian.

FASAL 4 TUJUAN DAN MATLAMAT

- 4.1 Menggabungkan dan menyatukan semua belia Malaysia yang berumur lima belas (15) tahun hingga empat puluh (40) tahun dan beragama Islam dalam sebuah pertubuhan yang melaksanakan segala bentuk aktiviti dan program dalam bidang kebajikan, sosial, ekonomi dan pendidikan ke arah pembentukan dan pembinaan peribadi belia Islam yang berketerampilan dan bertanggungjawab terhadap ugama, bangsa dan negara.
- 4.2 Membentuk dan membina peribadi-peribadi belia Islam Malaysia yang memiliki kefahaman Islam yang sah

yang terpelihara daripada pertelingkahan politik dan perselisihan mazhab.

- 4.3 Mewujudkan sikap bekerjasama dan mengamalkan prinsip berkasih sayang dan berlapang dada terhadap sesama belia Islam dalam isu-isu umat Islam tempatan dan antarabangsa.
- 4.4 Membentuk dan membina peribadi-peribadi belia Islam Malaysia yang yakin akan kemuliaan tanahair dan kemerdekaan ummah.
- 4.5 Membentuk dan membina peribadi-peribadi belia Islam Malaysia yang memiliki ciri-ciri syakhsiah Muslim yang sempurna dan seimbang untuk menjadi tunggak pembangunan ummah.
- 4.6 Membentuk dan membina peribadi-peribadi belia Islam Malaysia yang memiliki wawasan akan masa depan Islam sebagai penyatu ummah dan penggembeling kemuliaan insan.
- 4.7 Menjalinkan kerjasama dan menjalankan aktiviti dengan pertubuhan-pertubuhan belia Islam dalam dan luar negara dalam menjayakan matlamat dan tujuan Pertubuhan demi kebaikan dan kepentingan masyarakat dan umat Islam.
- 4.8 Menyedia, menerbit dan menyalurkan maklumat-maklumat yang melibatkan kepentingan ahli dan masyarakat melalui saluran-saluran media yang dibenarkan oleh pihak berkuasa secara kerjasama dengan pihak media massa di dalam dan luar negara.
- 4.9 Menerima dan menguruskan sumbangan-sumbangan sama ada dalam bentuk wang atau selainnya daripada ahli-ahli Pertubuhan sendiri (selain dari yuran keahlian) atau daripada mana-mana pihak individu atau institusi/syarikat/firma dari dalam dan luar negara dan sebagainya yang berminat untuk membantu ke arah pencapaian tujuan-tujuan dan maksud Pertubuhan.
- 4.10 a) Pertubuhan boleh memiliki, membeli, menjual dan mencagar harta-harta tanah, bangunan dan lain-lain bentuk harta alih atau tak alih, dan boleh menguruskan harta-harta itu secara yang difikirkan sesuai dan

membawa manfaat kepada Pertubuhan serta melaburkan mana-mana kumpulan wang pertubuhan yang tidak diperlukan dengan segera dalam apa-apa aktiviti pelaburan atau perniagaan yang difikirkan wajar untuk menampung kedudukan kewangan Pertubuhan.

b) Sungguhpun begitu, Pertubuhan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat untuk tujuan yang baik (bona fide), untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja Pertubuhan atau pihak-pihak yang lainnya bagi apa-apa perkhidmatan yang sebenarnya telah diberikan kepada Pertubuhan.

4.11 Pertubuhan bukan parti politik dan tidak akan terlibat di dalam sebarang kegiatan politik kepartian.

Pindaan pada
2 Julai 2011

FASAL 5 KEAHLIAN

5.1 Keanggotaan dalam Pertubuhan adalah terbahagi kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- | | |
|-------|---------------|
| 5.1.1 | Ahli Biasa |
| 5.1.2 | Ahli Aktif |
| 5.1.3 | Ahli Kehormat |

5.1.1 Ahli Biasa

Terbuka kepada semua warga Negara Malaysia yang beragama Islam. Tidak mempunyai hak mengundi dan tidak boleh memegang jawatan di peringkat cawangan, negeri dan pusat dalam Pertubuhan.

5.1.2 Ahli Aktif

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia beragama Islam yang telah menjadi Ahli Biasa selama sekurang-kurangnya satu tahun. Mempunyai hak mengundi dan boleh memegang jawatan di peringkat cawangan, negeri dan pusat dalam Pertubuhan.

5.1.3 Ahli Kehormat

Dilantik dan ditentukan oleh Jawatankuasa Pusat Pertubuhan dari kalangan orang perseorangan dalam masyarakat yang difikirkan dapat memberi sumbangan kepada tujuan dan matlamat Pertubuhan. Tidak mempunyai hak mengundi dan tidak boleh memegang jawatan dalam Pertubuhan.

- 5.2 Kelayakan bagi semua klasifikasi ahli di atas ialah mestilah warganegara Malaysia dan berumur 15 tahun hingga empat puluh (40) tahun KECUALI Ahli Kehormat tidak mempunyai had umur.
- 5.3 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Agung yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa Pusat untuk diluluskan. Jawatankuasa Pusat boleh, mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- 5.4 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah, setelah membayar bayaran pendaftaran dan yuran tahunan seperti yang ditentukan, diterima masuk menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.
- 5.5 Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti boleh diterima menjadi ahli Pertubuhan ini tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan Tahun 2008).

Pindaan pada
2 Julai 2011

FASAL 6 YURAN MASUK DAN LAIN-LAIN BAYARAN

- 6.1 Bayaran-bayaran masuk dan yuran yang perlu dibayar adalah seperti berikut:
 - 6.1.1 Bayaran Masuk (RM5.00)
Bayaran ini hanya dikenakan sekali sahaja pada masa permohonan menjadi ahli dibuat. Ahli Kehormat adalah dikecualikan daripada bayaran ini.
 - 6.1.2 Yuran Tahunan
 - 6.1.2.1 Ahli Biasa tidak dikenakan yuran tahunan.
 - 6.1.2.2 Ahli Aktif RM20.00 setahun.
 - 6.1.2.3 Ahli Kehormat dikecualikan.
- 6.2 Yuran-yuran hendaklah dibayar kepada Bendahari terlebih dahulu dalam masa dua (2) bulan pertama tiap-tiap tahun.

- 6.3 Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua (2) bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dibayar.
- 6.4 Ahli yang membiarkan hutangnya selama lebih daripada tiga (3) bulan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa Pusat boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.
- 6.5 Jawatankuasa Pusat mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.
- 6.6 Yuran-yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam masa yang telah ditetapkan maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 7 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 7.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan membayar segala hutangnya.
- 7.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Pusat. Sebelum Jawatankuasa Pusat memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung Pertubuhan menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli

tersebut.

FASAL 8 SUSUNAN DAN PENTADBIRAN PEMBINA

8.1. Bentuk susunan Pentadbiran dan pembahagian kuasa adalah seperti berikut:

8.1.1 KEBANGSAAN - iaitu Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan atau waktu ketiadaannya, Jawatankuasa Pusat

8.1.2 NEGERI - iaitu Mesyuarat Agung Tahunan Negeri atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Negeri

8.1.3 CAWANGAN - iaitu Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan atau waktu ketiadaannya Jawatankuasa Cawangan.

8.2. Jawatankuasa Pusat adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal ehwal PEMBINA di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan dan adalah berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi pihak Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan pada masa ketiadaannya, tetapi segala langkahnya hendaklah dimaklumkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan.

FASAL 9 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEBANGSAAN

9.1 Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan akan diadakan pada tiap-tiap satu tahun tidak lewat dari 31 Mac tahun berikutnya, tetapi dengan kehendak Presiden bolehlah didahulukan atau pun ditangguhkan kepada lain masa.

9.2 Ahli Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan hendaklah terdiri daripada:

- (a) Ahli Jawatankuasa Pusat.
 - (b) Wakil-wakil yang dilantik oleh PEMBINA Negeri dalam tiap-tiap Mesyuarat Agungnya. Tiap-tiap PEMBINA Negeri berhak memilih 7 orang wakilnya dari setiap cawangan dalam Negerinya yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Perwakilan yang dipilih boleh diganti sekiranya dia tidak dapat hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Negeri.
- 9.3 Pemberitahuan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan, Agenda, Laporan dan Penyata Kira-kira yang telah diaudit bagi tahun yang lalu hendaklah dihantar kepada Setiausaha-Setiausaha PEMBINA Negeri sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan. Segala usul-usul dan cadangan-cadangan hendaklah disampaikan ke tangan Setiausaha Agung selewat-lewat 7 hari dari tarikh Mesyuarat.
- 9.4 Satu pertiga (1/3) daripada jumlah bilangan Perwakilan yang sepatutnya hadir adalah menjadi cukup korum.
- 9.5 Kiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan Mesyuarat itu kepada satu masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat dan jika kemudian korum tidak cukup juga, ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan Mesyuarat tetapi tidak berkuasa meminda Perlembagaan ini.
- 9.6 Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan akan menerima laporan-laporan daripada Jawatankuasa Pusat, memutuskan sebarang perkara mengenai PEMBINA, memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat dan Juru Audit dua tahun sekali.
- 9.7 Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan satu salinan rangka Minit Mesyuarat kepada semua Setiausaha-setiausaha PEMBINA Negeri selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan dalam tempoh dua (2) bulan dan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan.
- 9.8 Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan berkuasa untuk meluluskan sebarang nilai perbelanjaan yang

tidak boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat.

- 9.9 Wakil-wakil pemerhati dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan boleh dipanggil tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pusat. Wakil pemerhati tidak berhak untuk membahaskan usul dan mengundi.

FASAL 10 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

10.1 Mesyuarat Agung Luar biasa diadakan:-

- (a) Apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Pusat; atau
- (b) Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya 6 buah PEMBINA Negeri setelah mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa dan mesti diadakan dalam tempoh 21 hari selepas diterima permintaan tersebut. Permintaan tersebut hendaklah menyatakan sebab perlunya Mesyuarat Agung Luar Biasa diadakan.

10.2 Pemberitahuan dan agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Negeri 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat. Perkara yang ada dalam agenda sahaja yang boleh dibincangkan dalam Persidangan.

10.3 Peraturan Fasal 9 ceraihan 9.2 dan 9.3 adalah dipakai untuk menjalankan Mesyuarat Agung Luar Biasa akan tetapi jika ditangguhkan mengikut ceraihan 9.5 di atas korum tidak cukup maka mesyuarat hendaklah dibatalkan.

10.4 Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan kepada semua Setiausaha PEMBINA Negeri satu salinan rangka minit Mesyuarat Agung Luar Biasa dengan segera dalam masa 7 hari selepas selesai Persidangan itu.

FASAL 11 JAWATANKUASA PUSAT

11.1 Jawatankuasa Pusat hendaklah mengandungi:

- a. Seorang Presiden.
- b. Seorang Timbalan Presiden

- c. Seorang Naib Presiden 1
 - d. Seorang Naib Presiden 2
 - e. Seorang Setiausaha Agung.
 - f. Seorang Bendahari.
 - g. Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Biasa termasuk sekurang-kurangnya seorang (1) orang Ahli Jawatankuasa wanita.
- 11.2. Presiden, Timbalan Presiden, 2 Naib Presiden dan 3 Ahli Jawatankuasa hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan setiap dua (2) tahun sekali
- 11.3. Presiden boleh melantik tidak lebih daripada empat (4) orang ahli Jawatankuasa tambahan dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat.
- 11.4 Setiausaha Agung dan Bendahari hendaklah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat.
- 11.5 Pemegang-pemegang Jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap Pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- 11.6 Nama-nama untuk jawatan di fasal 11.1 cerai (a), (b), (c) dan (d) di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan melainkan Mesyuarat Agung Tahunan memutuskan sebaliknya. Semua pegawai Pertubuhan boleh dilantik semula dua (2) tahun sekali.
- 11.7 Bidang tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pusat ialah mengelola, mengatur dan menguruskan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan dengan tidak terkeluar daripada dasar-dasar umum yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Jawatankuasa Pusat seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa Pusat hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatan-kegiatannya satu tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan.
- 11.8 Jika Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir dalam

mesyuarat, maka ahli-ahlinya yang hadir bolehlah memilih salah seorang daripadanya menjadi Pengerusi Mesyuarat

11.9 Jawatankuasa Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa sebulan. Pengumuman bagi tiap-tiap Mesyuarat hendaklah diberi kepada ahli-ahli sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh mesyuarat. Presiden dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada (4) orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pusat hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat;

11.10 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa Pusat dan mesyuarat Jawatankuasa Pusat tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Agung bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli Jawatankuasa Pusat melalui surat Pekeliling. Syarat-syarat yang berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa Pusat boleh dianggap sebagai telah diterima:

- a. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa Pusat;
- b. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pusat mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
- c. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.
- d. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Agung kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

11.11 Jika seseorang ahli Jawatankuasa Pusat meninggal dunia atau meletak jawatan, Jawatankuasa Pusat akan

melantik ahli Pertubuhan yang lain bagi memenuhi kekosongan itu sehingga pemilihan yang akan datang.

11.12 Jawatankuasa Pusat boleh memberi arahan kepada Setiausaha Agung dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus-pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa Pusat atau kerana sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

11.13 Jawatankuasa Pusat boleh menubuhkan jawatankuasa jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang ahli jawatankuasa.

FASAL 12 KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA PUSAT

Kewajipan-kewajipan dan kuasa Jawatankuasa Pusat adalah seperti berikut:-

12.1 Berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil tertentu untuk mengemaskan perjalanan PEMBINA

12.2 Membentuk asas, dasar dan perancangan dalam pelaksanaan Fasal 4 dalam Perlembagaan ini

12.3 Berkuasa membuat keputusan untuk mewujudkan sesebuah pertubuhan PEMBINA di sesebuah Negeri atau Cawangan atau sebaliknya

12.4 Mengikhtiarkan penubuhan PEMBINA negeri dan menyesuaikan perjalanannya mengikut Perlembagaan, memperhatikan serta mengawal perjalanan PEMBINA Negeri.

12.5 Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan satu laporan lengkap bagi menerangkan prestasi serta penyata kewangan yang telah diperiksa dan disahkan

12.6 Berkuasa menggantung Jawatankuasa Negeri dan Cawangan, jika didapati perjalanan sesuatu PEMBINA

Negeri dan Cawangan itu bertentangan dengan Perlembagaan PEMBINA

- 12.7 Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan semua peringkat PEMBINA dan memutuskan segala rayuan sama ada daripada ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa setelah diminta oleh PEMBINA Negeri atau Cawangan.
- 12.8 Membuat peraturan-peraturan tetap berkenaan dengan penubuhan Persatuan, tatatertib ahli-ahli mesyuarat dan Mesyuarat Agung dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi melaksanakan tujuan-tujuan PEMBINA dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan PEMBINA.
- 12.9 Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan Perlembagaan PEMBINA
- 12.10 Memilih ahli-ahli bagi mewakili PEMBINA di dalam sebarang kumpulan atau jemaah majlis mesyuarat dan sebagainya
- 12.11 Memberhentikan seorang Ahli Jawatankuasa Pusat yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan selain daripada Presiden dengan persetujuan sekurang-kurangnya 2/3 daripada ahli mesyuarat dan tidak boleh diganti.
- 12.12 Memberi kebenaran bertulis kepada seseorang ahli yang telah dipecat atau menarik diri daripada PEMBINA untuk diterima balik
- 12.13 Menjalankan sebarang pekerjaan atau apa jua langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan PEMBINA.
- 12.14 Keputusan Jawatankuasa Pusat adalah muktamad jika tidak dibatalkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan.
- 12.15 Meluluskan perbelanjaan pada suatu masa tertentu yang melebihi had nilai RM5,000.00 tetapi tidak melebihi RM100,000.00 pada suatu bulan. Perbelanjaan yang kurang dan RM5,000.00 (lima ribu ringgit) pada suatu masa boleh diluluskan dengan persetujuan bersama

Presiden dan Setiausaha Agung atau Bendahari.

FASAL 13 TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMBINA PUSAT

13.1 PRESIDEN

Presiden adalah bertanggungjawab:-

- (a) Memanggil dan menguruskan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pusat;
- (b) Menjadi ketua PEMBINA yang bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan PEMBINA seluruhnya;
- (c) Mengawasi segala pentadbiran dan perjalanan PEMBINA;
- (d) Menandatangani cek-cek bersama-sama dengan Bendahari dan/atau Setiausaha Agung;
- (e) Mengumumkan sesuatu perkara PEMBINA kepada orang bukan ahli atau kepada lain-lain Pertubuhan atau mana-mana sebaran am

13.2 TIMBALAN PRESIDEN

Timbalan Presiden adalah bertanggungjawab:-

- (a) Memangku tugas-tugas Presiden ketika ketiadaan Presiden;
- (b) Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa PEMBINA Pusat semasa ketiadaan Presiden;
- (c) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat

13.3 NAIB PRESIDEN 1

Naib Presiden 1 adalah bertanggungjawab:-

- (a) Membantu tugas Presiden dalam urusan yang berkaitan dengan pentadbiran;
- (b) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat

13.4 NAIB PRESIDEN 2

Naib Presiden adalah bertanggungjawab:-

- (a) Membantu tugas Presiden dalam urusan yang berkaitan dengan ahli wanita dan beliawanis;
- (b) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat

13.5 SETIAUSAHA AGUNG

Setiausaha Agung adalah bertanggungjawab:

- (a) secara langsung kepada Presiden;
- (b) Melaporkan kepada Presiden segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran Pejabat
- (c) Mengurus panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan Presiden serta menghadiri dan menulis minit mesyuarat tersebut;
- (d) Menyimpan daftar ahli PEMBINA;
- (e) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat

13.6 BENDAHARI

- (a) Menerima dan membayar segala wang bagi pihak PEMBINA;
- (b) Menyimpan buku kira-kira dengan teratur;
- (c) Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Pusat dan Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan;
- (d) Menandatangani segala cek-cek bagi pihak PEMBINA bersama-sama dengan Presiden dan/atau Setiausaha Agung;
- (e) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pusat

13.7 AHLI BIASA JAWATANKUASA PUSAT

Bertanggungjawab membantu Jawatankuasa Pusat melaksanakan tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

FASAL 14 - SUSUNAN DAN PENTADBIRAN NEGERI

- 14.1 PEMBINA peringkat Negeri hendaklah ditubuhkan di tiap-tiap negeri sekiranya difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Pusat.
- 14.2 Pentadbiran PEMBINA Negeri adalah di bawah kekuasaan dan arahan Mesyuarat Agung Tahunan Negeri tetapi Mesyuarat Agung Tahunan Negeri itu sendiri tertakluk di bawah Perlembagaan PEMBINA.
- 14.3 Jawatankuasa Negeri adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal ehwal PEMBINA Negeri, Mesyuarat Agung Tahunan Negeri dan perintah Mesyuarat menjalankan sebarang langkah bagi pihak Mesyuarat Agung Tahunan Negeri waktu ketiadaannya, tetapi segala langkah-langkah ini hendaklah selaras dengan Perlembagaan PEMBINA dan dilaporkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Negeri.
- 14.4 Tahun kewangan PEMBINA Negeri ialah bermula dari 1 JANUARI dan berakhir pada 31 DISEMBER.

FASAL 15 MESYUARAT PERWAKILAN TAHUNAN NEGERI

- 15.1 Mesyuarat Agung Tahunan Negeri hendaklah diadakan tiap-tiap tahun tidak lewat dari 28 Februari. Tetapi dengan kehendak Pengerusi PEMBINA Negeri bolehlah didahulukan atau ditangguhkan dengan syarat tidak lewat daripada tarikh diadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan.
- 15.2 Mesyuarat Agung Tahunan Negeri terdiri daripada:-
 - (a) Jawatankuasa Negeri.
 - (b) 10 orang wakil Cawangan yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan

dikalangan ahli biasa yang telah menjelaskan yuran bagi tahun itu. Perwakilan yang dipilih boleh diganti sekiranya dia tidak dapat hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Negeri.

- (c) Pengerusi Cawangan yang menjadi Jawatankuasa Kerja Negeri berhak melantik wakilnya dikalangan ahli Cawangannya.
- (d) Ahli Jawatankuasa Negeri yang tidak boleh dipilih menjadi wakil Cawangan akan dengan sendirinya menjadi wakil Cawangan setelah Jawatankuasa Negeri dibubarkan.
- (e) Wakil-wakil sahaja boleh mengundi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri, Pengerusi Mesyuarat boleh memutuskan sesuatu apabila undi terbahagi sama banyak.
- (f) Pemberitahuan untuk Mesyuarat Perwakilan Tahunan, agenda, laporan dan Penyata Kira-kira PEMBINA yang telah diaudit bagi tahun yang lalu, hendaklah dihantar kepada setiausaha-setiausaha PEMBINA Cawangan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Segala usul-usul dan cadangan hendaklah disampaikan ke tangan Setiausaha Negeri selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh mesyuarat.
- (g) Satu pertiga (1/3) daripada jumlah bilangan Perwakilan yang sepatutnya hadir daripada ahli adalah menjadi cukup korum.
- (h) Bagi negeri yang belum mempunyai Cawangan, satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahli bagi negeri tersebut adalah menjadi cukup korum.
- (i) Kiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan mesyuarat itu kepada satu masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri dan jika kemudiannya korum tidak cukup juga, ahli-ahli yang hadir boleh meneruskan mesyuarat tanpa berkuasa meminda Perlembagaan ini.
- (j) Pembentangan Laporan-laporan daripada Jawatankuasa Negeri memutuskan sebarang perkara mengenai PEMBINA Negeri, memilih ahli-

ahli Jawatankuasa Negeri, Juru audit serta membincang dan memutuskan perkara-perkara yang terkandung dalam agenda.

- (k) Setiausaha Negeri hendaklah menyampaikan satu salinan rangka minit mesyuarat kepada semua Setiausaha-setiausaha PEMBINA Cawangan dan Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat selepas Mesyuarat Agung Tahunan Negeri dengan segera.

15.3 Tugas-tugas Mesyuarat Agung Negeri:-

- (a) Memilih ahli-ahli Jawatankuasa Negeri;
- (b) Memilih wakil-wakil Negeri ke Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan. Wakil-wakil yang dipilih diluar daripada Perwakilan Negeri atau sebarang pertukaran selepas itu adalah tidak sah;
- (c) Membincangkan dasar-dasar PEMBINA untuk dikemukakan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan;
- (d) Mencadangkan calon-calon untuk bertanding Ahli Jawatankuasa Pusat;
- (e) Mencadangkan calon-calon 2 orang Pemeriksa Kira-kira;
- (f) Memilih 2 orang Pemeriksa Kira-kira;
- (g) Membentangkan Laporan Kewangan Tahunan Yang telah diaudit dan laporan lain daripada Jawatankuasa Negeri dan memutuskan sebarang perkara mengenai PEMBINA;
- (h) Membincangkan dan memutuskan perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan PEMBINA;
- (i) Bagi ahli-ahli yang hendak memegang jawatan Negeri hendaklah mendapat sekurang-kurangnya 2 pencalonan;
- (j) Mesyuarat Agung Tahunan Negeri berkuasa untuk meluluskan sebarang nilai perbelanjaan yang

tidak boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri;

- (k) Bagi negeri yang belum mempunyai Cawangan, pencalonan dan pemilihan Ahli Jawatankuasa Negeri adalah diputuskan oleh ahli Mesyuarat Agung Tahunan Negeri tertakluk kepada Fasal 15.2 ceraiian (h).

FASAL 16 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA PEMBINA NEGERI

16.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa PEMBINA Negeri akan diadakan:-

- (i) Dengan permintaan yang bertulis oleh sekurang-kurangnya (1/3) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa PEMBINA Negeri; atau
- (ii) Dengan permintaan yang bertulis oleh sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ jumlah Cawangan bagi Negeri berkenaan yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa

16.2 Pemberitahuan agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa Negeri hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Cawangan 7 hari sebelum tarikh mesyuarat itu. Perkara yang ada dalam agenda sahaja yang boleh dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Negeri.

16.3 Fasal 15 ceraiian 15.2 (g), (h) dan (i) adalah dipakai untuk menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Luar Biasa Negeri akan tetapi jika ditangguhkan mengikut ceraiian (i) di atas korum tidak juga cukup maka mesyuarat hendaklah dibatalkan.

16.4 Setiausaha Negeri hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Cawangan satu salinan rangka minit mesyuarat Agung Luar Biasa dengan segera dalam masa 3 hari selepas selesai mesyuarat itu.

FASAL 17 JAWATANKUASA NEGERI

17.1 Jawatankuasa Negeri adalah badan yang menjalankan dasar, pentadbiran dan hal ehwal PEMBINA Negeri di bawah perintah Mesyuarat Agung Tahunan Negeri

17.2 Jawatankuasa PEMBINA Negeri adalah mengandungi:-

- (a) Pengerusi
- (b) Naib Pengerusi 1
- (c) Naib Pengerusi 2
- (d) Setiausaha
- (e) Bendahari
- (f) Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri yang Terdiri daripada:-
 - (i) 2 orang yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Negeri;
 - (ii) Tidak lebih daripada 4 orang yang dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Negeri

17.3 Pengerusi, 2 Naib Pengerusi dan 2 Ahli Jawatankuasa dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Negeri. Jawatan Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Negeri.

17.4 Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri akan memegang jawatan selama 2 tahun

17.5 Jawatankuasa Negeri hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali

17.6 Satu pertiga (1/3) daripada ahli-ahlinya hadir cukup korum

17.7 Jika Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat maka Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir bolehlah memilih salah seorang daripada mereka menjadi pengerusi mesyuarat

17.8 Panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Negeri diuruskan oleh Setiausaha atas arahan dan persetujuan Pengerusi atau permintaan bertulis sekurang-kurangnya satu perdua daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa

17.9 Apabila sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan Jawatankuasa PEMBINA Negeri dengan serta merta dan tidak diadakan mesyuarat, maka bolehlah Setiausaha dengan persetujuan Pengerusi mendapatkan keputusan dengan surat pekeliling kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan dicatatkan segala

keputusan dalam minit Mesyuarat yang berikut

- 17.10 Seseorang yang akan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa PEMBINA Negeri hendaklah telah menjadi ahli sekurang-kurangnya selama satu tahun kecuali mendapat persetujuan Jawatankuasa Pusat PEMBINA.

FASAL 18 KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA NEGERI

Kewajipan-kewajipan dan kuasa Jawatankuasa PEMBINA Negeri adalah seperti berikut:-

- 18.1 Berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil untuk mengemaskan perjalanan PEMBINA Negeri;
- 18.2 Merancang dan melaksanakan aktiviti/program PEMBINA negeri selaras dengan Fasal 4 Perlembagaan PEMBINA;
- 18.3 Mencadangkan penubuhan Cawangan PEMBINA di negeri berkenaan kepada Jawatankuasa Pusat sekiranya difikirkan perlu oleh PEMBINA Negeri atau diarahkan oleh Jawatankuasa Pusat;
- 18.4 Memerhati dan mengawasi perjalanan PEMBINA Cawangan;
- 18.5 Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Negeri satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan PEMBINA Negeri termasuk maju mundur, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan
- 18.6 Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan ahli PEMBINA di negeri berkenaan dan memutuskan segala rayuan sama ada daripada ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa setelah diminta oleh PEMBINA Cawangan
- 18.7 Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan Perlembagaan PEMBINA
- 18.8 Mengadakan Mesyuarat Agung PEMBINA Cawangan;

- 18.9 Meluluskan perbelanjaan pada suatu masa tertentu yang melebihi had nilai RM5,000.00 tetapi tidak melebihi RM50,000.00 pada suatu bulan. Perbelanjaan yang kurang dan RM5,000.00 (lima ribu ringgit) pada suatu masa boleh diluluskan dengan persetujuan bersama Pengerusi dan Setiausaha atau Bendahari.

FASAL 19 TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA NEGERI

Tugas-tugas Pegawai-pegawai Jawatankuasa Negeri adalah seperti berikut:-

19.1 PENGERUSI

- (a) Mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Negeri
- (b) Menandatangani cek-cek PEMBINA Negeri bersama-sama dengan Bendahari atau Setiausaha. Perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000.00 (lima ribu ringgit) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Negeri dan perbelanjaan yang lebih daripada RM50,000.00 (lima puluh ribu ringgit) bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung Tahunan Negeri terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang dan RM5,000.00 (lima ribu ringgit) pada suatu masa boleh diluluskan dengan persetujuan bersama Pengerusi dan Setiausaha atau Bendahari.
- (c) Mengawasi segala pentadbiran dan perjalanan PEMBINA Negeri;
- (d) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Jawatankuasa Pusat dari semasa ke semasa

19.2 NAIB PENGERUSI 1

- (a) Memangku tugas Pengerusi dalam masa ketiadaannya;
- (b) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Negeri.

19.3 NAIB Pengerusi 2

- (a) Menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan Wanita dan beliawanis;
- (b) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Negeri.

19.4 SETIAUSAHA

Setiausaha adalah bertanggungjawab:-

- (a) Secara langsung kepada Pengerusi;
- (b) Melaporkan kepada Pengerusi segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran pejabat;
- (c) Menguruskan panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan Pengerusi serta menghadiri dan menulis Minit Mesyuarat tersebut;
- (d) Menyimpan daftar ahli PEMBINA Negeri;
- (e) Mengadakan pejabat yang mana hendaklah ditempatkan di pusat pentadbiran Negeri atau di mana-mana yang ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Negeri, dan melaporkan kepada Setiausaha Agung alamat pejabat tersebut;
- (f) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Negeri.

19.5 BENDAHARI

- (a) Bertanggungjawab menerima dan membayar segala wang bagi pihak PEMBINA Negeri;
- (b) Menyimpan buku kira-kira dengan teratur;
- (c) Menyediakan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan Mesyuarat Agung Tahunan Negeri;
- (d) Menandatangani segala cek-cek bagi pihak PEMBINA Negeri bersama-sama dengan Pengerusi;

- (e) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Negeri.

19.6. AHLI-AHLI JAWATANKUASA NEGERI

Bertanggungjawab melaksanakan tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

FASAL 20 SUSUNAN PENTADBIRAN CAWANGAN

- 20.1 Sebuah Cawangan boleh ditubuhkan sekiranya mengandungi sekurang-kurangnya 20 orang Ahli Biasa.
- 20.2 Cawangan boleh ditubuhkan dengan perakuan atau cadangan dari Jawatankuasa Negeri dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat
- 20.3 Penubuhan Cawangan adalah dikelolakan oleh PEMBINA Negeri yang berkenaan
- 20.4 Perjalanan Cawangan adalah dibawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Cawangan dan tertakluk kepada Perlembagaan PEMBINA
- 20.5 Tahun Kewangan PEMBINA Cawangan ialah bermula daripada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb. Disember

FASAL 21 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CAWANGAN PEMBINA

- 21.1 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan PEMBINA hendaklah diadakan setiap tahun tidak lewat daripada 31 Januari. Tetapi dengan kehendak Ketua bolehlah didahulukan atau ditangguhkan dengan syarat tidak lewat daripada tarikh diadakan Mesyuarat Agung Tahunan Negeri.
- 21.2 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan terdiri dari semua Ahli-ahli Biasa PEMBINA Cawangan.
- 21.3 Pemberitahuan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, Agenda, Laporan dan Penyata Kira-kira Cawangan yang telah di audit bagi tahun yang lalu kepada semua ahli-ahli Cawangan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Segala usul-

usul disampaikan ke tangan Setiausaha Cawangan Selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat.

- 21.4 Satu pertiga (1/3) daripada Ahli-ahli Biasa Cawangan adalah cukup korum.
- 21.5 Sekiranya tidak cukup korum hendaklah ditangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan itu kepada satu masa yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan dan jika kemudiannya korum tidak juga cukup, maka ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan tetapi tidak berkuasa membuat keputusan mengenai rancangan-rancangan untuk Cawangan.

FASAL 22 TUGAS-TUGAS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CAWANGAN

- 22.1 Membincangkan dasar PEMBINA untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Tahunan Negeri;
- 22.2 Mengkaji kerja-kerja yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Cawangan;
- 22.3 Mengadakan rancangan-rancangan kerja untuk faedah ahli;
- 22.4 Memilih Ahli Jawatankuasa Cawangan;
- 22.5 Memilih 2 orang Pemeriksa Kira-kira;
- 22.6 Memilih wakil-wakil Cawangan ke Mesyuarat Agung Tahunan Negeri. Wakil-wakil yang dipilih di luar Mesyuarat Agung Cawangan atau sebarang pertukaran selepas itu tidak sah;
- 22.7 Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Ahli Jawatankuasa Negeri;
- 22.8 Bagi ahli-ahli yang hendak memegang Jawatankuasa Negeri hendaklah mendapatkan sekurang-kurangnya 2 pencalonan;
- 22.9 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan berkuasa untuk meluluskan sebarang nilai perbelanjaan yang tidak boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Cawangan.

FASAL 23 MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA CAWANGAN

23.1 Mesyuarat Agung Luar Biasa Cawangan boleh diadakan dengan salah satu syarat yang berikut:

- (a) Apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (b) Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) dari Ahli-ahli Cawangan dan mesti diadakan dalam tempoh 7 hari selepas diterima permintaan tersebut. Permintaan tersebut hendaklah menyatakan sebab perlunya Mesyuarat Agung Luar Biasa diadakan.
- (c) Dengan kehendak Ketua Cawangan.
- (d) Dengan kehendak Jawatankuasa Negeri.

FASAL 24 JAWATAN KUASA CAWANGAN

24.1 Jawatankuasa Cawangan adalah badan yang menjalankan pentadbiran Cawangan di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan tertakhluk kepada Perlembagaan PEMBINA.

24.2 Jawatankuasa Cawangan mengandungi:-

- (a) Ketua
- (b) Penolong Ketua 1
- (b) Penolong Ketua 2
- (c) Setiausaha
- (d) Bendahari
- (e) Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa yang terdiri daripada:-

- (i) 2 orang ahli yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
- (ii) Tidak lebih dari 3 orang ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Cawangan.

- 24.3 Ketua, 2 Penolong Ketua, Setiausaha, Bendahari serta 2 orang Ahli Jawatankuasa hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
- 24.4 Satu pertiga (1/3) daripada ahli-ahli biasa hadir adalah cukup korum.
- 24.5 Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan akan menduduki jawatan yang disandang selama 2 tahun.

FASAL 25 KEWAJIPAN DAN KUASA JAWATANKUASA CAWANGAN

Kewajipan dan kuasa Jawatankuasa Cawangan adalah seperti berikut:-

- 25.1 Berkuasa melantik Jawatankuasa Kecil untuk mengemaskan perjalanan Cawangan;
- 25.2 Melaksanakan aktiviti/program PEMBINA selaras dengan dasar dan rancangan PEMBINA Pusat dan Negeri;
- 25.3 Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Negeri satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan Cawangan termasuk maju mundurnya, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juru Audit Dalam
- 25.4 Meluluskan perbelanjaan pada suatu masa tertentu yang melebihi had nilai RM5,000.00 tetapi tidak melebihi RM25,000.00 pada suatu bulan. Perbelanjaan yang kurang dan RM5,000.00 (lima ribu ringgit) pada suatu masa boleh diluluskan dengan persetujuan bersama Ketua dan Setiausaha atau Bendahari.

FASAL 26 TUGAS AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMBINA CAWANGAN

26.1 KETUA

- (a) Bertanggungjawab kepada Jawatankuasa PEMBINA Negeri atas kesempurnaan Cawangan;

- (b) Bertanggungjawab atas semua Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan;
- (c) Menandatangani cek-cek Pertubuhan bersama-sama Bendahari atau Setiausaha;
- (d) Mempengerusikan semua Mesyuarat Cawangan;
- (e) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Jawatankuasa Negeri dari semasa ke semasa

26.2 PENOLONG KETUA 1

- (a) Memangku tugas Ketua dalam masa ketiadaannya;
- (b) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Cawangan.

26.3 PENOLONG KETUA 2

- (a) Menguruskan hal-ehwal wanita dan beliawanis di Cawangan berkenaan;
- (b) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Cawangan.

26.4 SETIAUSAHA

Setiausaha adalah bertanggungjawab:-

- (a) Secara langsung kepada Ketua;
- (b) Menguruskan panggilan mesyuarat-mesyuarat atas arahan dan persetujuan Ketua serta menghadiri dan menulis minit mesyuarat tersebut;
- (c) Menyimpan daftar ahli;
- (d) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Cawangan.

26.5 BENDAHARI

- (a) Bertanggungjawab menerima dan membayar

segala wang bagi pihak Cawangan;

- (b) Menyimpan buku kira-kira dengan baik dan teratur;
- (c) Menyediakan Penyata Kewangan bagi tiap-tiap Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan;
- (d) Menandatangani segala cek-cek bagi pihak Cawangan bersama-sama dengan Ketua;
- (e) Lain-lain tugas yang dipertanggungjawabkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Cawangan.

26.6 AHLI-AHLI JAWATANKUASA BIASA

Bertanggungjawab membantu Jawatankuasa Cawangan melaksanakan tugas yang ditentukan di semasa ke semasa.

FASAL 27 KEWANGAN

- 27.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuk belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji dan upah Pemeriksa Kira-Kira. Walau bagaimanapun wang Pertubuhan tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- 27.2 Bendahari di semua peringkat dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM1,000.00 (satu ribu ringgit) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pusat, Negeri atau Cawangan. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
- 27.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dan kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh mana-mana dua orang iaitu daripada

Presiden dan sama ada Setiausaha Agung atau Bendahari di peringkat Jawatankuasa Pusat; Pengerusi Negeri dan sama ada Setiausaha atau Bendahari di peringkat Jawatankuasa Negeri; Ketua Cawangan dan sama ada Bendahari atau Setiausaha di peringkat Cawangan. Semasa ketiadaan Presiden/Pengerusi Negeri/Ketua Cawangan, Timbalan Presiden/Naib Pengerusi 1/Penolong Ketua 1 sebagai pengganti untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.

- 27.4 Bendahari, pada setiap awal tahun, hendaklah membentangkan dan mendapatkan kelulusan belanjawan tahunan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat atau Negeri atau Cawangan. Semua perbelanjaan yang telah diluluskan di dalam belanjawan dianggap sah dan boleh dikeluarkan dengan mendapat pengesahan dua dari tiga ahli Jawatankuasa seperti berikut iaitu di peringkat Jawatankuasa Pusat: Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari atau di peringkat Negeri: Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari atau di peringkat Cawangan: Ketua, Setiausaha dan Bendahari
- 27.5 Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta kunci kira-kira bagi setiap tahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 27 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira untuk satu (1) tahun yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinan hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan bagi Pertubuhan.
- 27.6 Tahun kewangan bagi semua peringkat dalam Pertubuhan ini bermula dan 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 28 PEMERIKSA KIRA-KIRA

- 28.1 Sekurang-kurangnya seorang yang bukannya Pegawai Pertubuhan perlu dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Ia/mereka akan memegang jawatan selama dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.

28.2 Pemeriksa kira-kira dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi satu (1) tahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Ia juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden mengaudit kira-kira PEMBINA di mana-mana peringkat bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatannya dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Pusat.

FASAL 29 HARTA

29.1 Harta tak alih Pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama pertubuhan. Segala surat cara yang berkaitan dengan harta itu hendaklah disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan pertubuhan iaitu sama ada Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari di peringkat Pusat atau Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari di peringkat Negeri atau Ketua, Setiausaha dan Bendahari di peringkat Cawangan yang ada pada masa itu dan perlantikan mereka adalah disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar, dan dimeterikan dengan meteri pertubuhan.

29.2 Harta tak alih Pertubuhan tidak boleh dijual, disewa, dipindahmilik atau digadai tanpa persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung di semua peringkat.

FASAL 30 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

30.1 Di antara berlangsung Mesyuarat Agung Tahunan, Jawatankuasa Pusat boleh memberikan tafsirannya kepada undang undang ini dan Jawatankuasa Pusat jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

30.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 31 PENASIHAT/ PENAUNG

Jawatankuasa Pusat PEMBINA boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 32 LARANGAN

- 32.1 Permainan yang disebut di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan; Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkas, Pai Kau, Tau Ngah, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game, video game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
- 32.2 Pertubuhan atau ahli ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
- 32.3 Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri samaada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- 32.4 "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli Pertubuhan.

FASAL 33 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan. Permohonan untuk perubahan perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam masa 60 hari dan tarikh keputusan Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Belia.

FASAL 34 PEMBUBARAN

- 34.1 Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri berhak mengundi dalam suatu Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan yang dipanggil khas kerananya.
- 34.2 Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebut di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kebangsaan berkenaan.
- 34.3 Kenyataan bersabit dengan Pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam masa 14 hari dan tarikh pembubaran itu.


Disahkan oleh,

PRESIDEN



Nama: NORZAFRY NORHALIM

SETIAUSAHA AGUNG



Nama: SALMAN ABDUL RAHMAN